



## INTEGRITI BERKONGSI INPUT GUBAL AGENDA TRANSFORMASI NASIONAL 2050

Laporan penuh muka surat 4



## CONTENTS / KANDUNGAN



### EDITORIAL

03 TN50: Kesenambungan agenda integriti

### SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

04 **INTEGRITI** berkongsi input gubal Agenda Transformasi 2050

### NEWS / BERITA

06 Mat Kilau: Penentang atau Pejuang? - Perspektif integriti

07 *Roadshow* **INTEGRITI** singgah di Bumi Kenyalang, impak mulai dirasai

08 **INTEGRITI** tingkat skil, mantapkan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional

09 Integriti keluarga terapi terbaik atasi barah rumah tangga - Ustaz Halim

10 RTD semak status pelaksanaan usaha mantapkan integriti institusi keluarga

### FEATURES / RENCANA

11 *A month of enlightenment @ **INTEGRITI***

12 *The passing of an inspiring leader*

13 Hormatilah tugas penjawat awam

### NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU DI PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu **INTEGRITI**

### GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

## EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

#### Advisor / Penasihat

Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff

#### Editor / Pengarang

Dr G Manimaran

#### Assistant Editors / Penolong Pengarang

Norsheeda Din  
Aimi Farhana Mohd Amin  
Zareena Izmin Ismail

#### Photographer / Jurufoto

Rosalizawati Arshad  
Izal Arif Zahrudin

#### Layout / Reka Letak

Azni Husairi

#### Contributors / Penyumbang

Zarina Mohamad Amin  
Nelly Mansin

Published monthly by / Diterbitkan setiap bulan oleh

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (INTEGRITI)**

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

# TN50: KESINAMBUNGAN AGENDA INTEGRITI

Tiga belas tahun telah berlalu dengan pantas. Ketika pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 5 November 2003, Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah menekankan hasrat agar Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang masyarakatnya bermoral tinggi dan beretika menjelang tahun 2020.

Perumusan PIN telah didasarkan pada semangat dan prinsip Wawasan 2020 secara khusus untuk memenuhi cabaran keempat iaitu “membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi budi pekerti yang luhur”. Pelancaran PIN juga telah sekali gus melahirkan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sebagai sebuah badan penyelarasan dan pemantau kepada pelaksanaan PIN, di mana objektif utama INTEGRITI membangunkan sebuah bangsa Malaysia yang berintegriti, berdaya tahan dan mempunyai nilai-nilai murni sejagat.

Pada hari ini, kerajaan di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak, pengganti Tun Abdullah, sedang mengambil langkah menggubal Transformasi Nasional 2050 (TN50). Berdasarkan penekanan Datuk Seri Najib dalam buku Falsafah Asas TN50, TN50 merupakan satu transformasi bersifat manusiawi atau kemanusiaan, merangkumi nilai insaniah yang unggul, meliputi aspek roh dan akhlak baik lagi mulia serta fizikal.

INTEGRITI sama-sama mengambil bahagian dalam proses merangka agenda TN50 dari persepektif pemupukan budaya berintegriti. Justeru itu, INTEGRITI telah menganjurkan Dialog TN50 pada 25 September. Susulan program itu, INTEGRITI akan mengemukakan satu laporan mengenai strategi dan pelan tindakan yang perlu diberi penekanan apabila merangka agenda TN50 dalam waktu terdekat.

Melangkaui 2020 ke 2050, kita harus menilai semula di mana kedudukan integriti negara. Apakah cabaran baharu menanti kita pada tahun 2050. Adakah matlamat akhir kita untuk membangunkan bangsa yang berintegriti, berdaya tahan dan mempunyai nilai murni sejagat sudah cukup atau perlukah kita fikir semula strategi dan matlamat akhir kita sebagai sebuah negara merdeka? Sebagai agensi yang menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan PIN, INTEGRITI memberi fokus untuk menggerakkan semua lapisan dan sektor masyarakat ke arah mencapai matlamat akhir ini. Cuma untuk mencapainya, kami tidak mampu laksanakan sendiri. Agensi dan badan pelaksana lain yang ditetapkan dalam pelan tindakan PIN harus main peranan masing-masing.

Selain Dialog TN50, INTEGRITI juga telah menganjurkan dialog beja bulat bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan institusi keluarga. Kedua-dua program ini, selain Syarahan Perdana Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Roadshow INTEGRITI yang sedang diadakan di seluruh negara mendedahkan kita kepada isu-isu yang perlu diberi penekanan dalam proses merangka agenda TN50. Malah, INTEGRITI juga terus mendapatkan pandangan, saranan dan input dari semasa ke semasa daripada semua pihak bagi tujuan itu.

Untuk memahami apa yang terkandung dalam pemikiran generasi pemimpin negara akan datang, INTEGRITI juga telah mengadakan kajian persepsi rasuah dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi beberapa bulan yang lalu. Hasil kajian ini perlu diberi perhatian sewajarnya agar generasi muda mampu menggalas tanggungjawab dengan lebih baik. Mereka adalah harapan masa depan negara, bahkan merekalah tenaga penggerak dan pemimpin TN50.

Cabaran kita jelas. Persediaan kita juga harus dimulakan dengan memahami agenda integriti yang terkandung dalam PIN iaitu pembaharuan menyeluruh, inklusif dan berjangka panjang membawa Malaysia melewati Wawasan 2020 dan seterusnya bagi mewujudkan impian mendirikan sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, stabil dari segi perpaduan, berakhlak mulia dan berinovasi berlandaskan budaya berintegriti tinggi.

Justeru, INTEGRITI yakin sama-sama dapat menyumbang idea, input dan pandangan bagi merealisasikan proses penggubalan Agenda TN50 demi melahirkan masyarakat berintegriti tinggi.

Salam hormat dan selamat membaca.

**DR G MANIMARAN**



# INTEGRITI BERKONGSI INPUT GUBAL AGENDA TRANSFORMASI NASIONAL 2050

Oleh Norsheeda Din

Salah satu aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada pemikiran dan minda orang ramai apabila membicarakan Agenda TN50 adalah integriti dan tadbir urus baik. Sehubungan itu, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah mengadakan Siri Dialog TN50: Melangkah Ke Hadapan Meneruskan Agenda Integriti Negara.

Sesi ini diadakan untuk mendokong usaha kerajaan yang sedang dalam proses merangka pelan agenda TN50. Program tersebut telah menghimpunkan aspirasi masyarakat Malaysia tentang masa depan negara dari perspektif budaya berintegriti tinggi.

Dialog TN50 terdiri daripada tiga segmen. Yang pertama adalah pembentangan oleh Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI. Dalam pembentangannya, Datuk Dr Anis Yusal berkata INTEGRITI akan mengemukakan saranan dan syor bagi memperkukuhkan budaya berintegriti menerusi Agenda TN50.

Beliau juga menggariskan cabaran-cabaran yang perlu diberi pertimbangan dalam merangka TN50 dari perspektif integriti, antaranya kebangkitan globalisasi timur, perkembangan geopolitik semasa, pembiayaan politik, perubahan demografi di Malaysia, ledakan teknologi baharu, kehendak dan cita rasa generasi muda serta keberkesanan usaha dalam membanteras rasuah.

Menurut beliau, konsep *cultural change* merupakan satu proses transformasi jangka panjang. Ia memerlukan penglibatan setiap lapisan masyarakat terutamanya institusi keluarga dalam mendidik anak seawal usia, bak kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Segmen kedua melibatkan dialog bersama Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau turut mengumumkan bahawa Kabinet baru-baru ini telah memutuskan untuk menubuhkan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara, yang merupakan satu langkah menaik taraf Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU).



Sebahagian daripada peserta yang hadir dalam Dialog TN50.

Beliau menyifatkan penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara akan membantu usaha-usaha membina dan yang lebih menyeluruh bagi mencapai aspirasi berkaitan budaya berintegriti tinggi menjelang tahun 2050.

“la satu perkembangan yang sangat penting dan positif dalam membantu INTEGRITI dan agensi-agensi pelaksana untuk menjayakan agenda integriti menjelang 2050,” kata beliau.

Datuk Paul Low juga berkata, “integriti perlu menjadi elemen penting dalam pembangunan masyarakat dalam sesebuah negara.”

Dalam segmen ketiga, para peserta telah diberi peluang untuk menggariskan isu dan cadangan penyelesaian dengan mengambil kira trend semasa dan senario yang akan datang. Ia meliputi aspek kehidupan, pekerjaan, pembelajaran, rekreasi, tadbir urus dan nilai yang seimbang dan memberi impak kepada negara.

Pada Sesi Dialog TN50 hari ini, INTEGRITI telah menerima lebih 30 cadangan yang akan dirumuskan sebelum dikemukakan kepada Sekretariat TN50 dalam masa terdekat.

Hampir 100 peserta yang terdiri daripada pelbagai kaum, usia dan latar belakang termasuk wakil-wakil pertubuhan masyarakat sivil, seorang senator dari Pakatan Harapan dan seorang penuntut praktikal (intern) dari Pejabat Datuk Paul Low turut menyertai Sesi Dialog TN50.



Peserta Dialog TN50 dengan aktif menyertai sesi perbincangan.



Peserta mengajukan soalan ketika sesi dialog bersama Datuk Paul Low.



Datuk Paul Low Seng Kuan berdialog dengan peserta. Di kanan beliau Datuk Dr Anis Yusal Yusoff.



Sesi perbincangan Dialog TN50.



# MAT KILAU: PENENTANG ATAU PEJUANG? - PERSPEKTIF INTEGRITI

Oleh Norsheeda Din

**I**NTEGRITI menerbitkan dokumentari *Jejak Mat Kilau* bersempena sambutan Hari Malaysia. Dokumentari berdurasi 30 minit ini dilancarkan pada program *IntegrITI Dalam Sejarah* oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff.

Mengangkat tema “IntegrITI, Patriotisme dan Rekreasi”, penerbitan dokumentari ini bertujuan untuk memahami secara mendalam mengenai integriti dan pembentukan nilai jati diri melalui pengkisahan sejarah kepahlawanan silam yang berfokuskan kepada sejarah kepahlawanan Mat Kilau.

Sifat perjuangan Mat Kilau yang mempunyai nilai integriti seperti tanggungjawab, taat setia dan keikhlasan merupakan asas utama dalam perjuangan mempertahankan tanah air. Dokumentari ini membawa kita ke sudut sejarah yang berbeza iaitu merakamkan laluan pernah dilalui oleh Mat Kilau semasa perjuangan beliau menentang British.

Sempena majlis pelancaran pada 9 September, sesi dialog bertajuk “Mat Kilau: Penentang atau Pejuang? - Perspektif IntegrITI” turut diadakan. Ia menampilkan Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia; Prof. Madya Dr. Mohd. Samsudin, Ketua Program Sejarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Wan Mohd. Rosli Wan Ngah, Setiausaha Persatuan Sejarah Terengganu (Delegasi Konservasi Kubu



Nazri Kahar (paling kiri) mengendalikan sesi dialog yang menampilkan Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Dr. Mohd. Samsudin dan Wan Mohd. Rosli Wan Ngah (paling kanan).

Mat Kilau) sebagai ahli panel. Moderator program ini adalah Nazri Kahar, Penerbit Eksekutif Astro Awani.

Dalam ucapan pelancaran, Datuk Dr. Anis berkata, penghasilan dokumentari tokoh sejarah Malaysia amat penting untuk generasi kini dan akan datang. Kata beliau, generasi muda perlu memahami sejarah dan menghayati perjuangan Mat Kilau semasa hayatnya. “Sifat Mat Kilau yang jujur, setia pada perjuangan dan tegas, menjadikan beliau sangat disegani dan amat dikasihi oleh pengikut-pengikutnya.

“Inilah antara elemen integriti yang menjadi intipati pengisian dokumentari *Jejak Mat Kilau*,” katanya.

Dalam pada itu, Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul menyifatkan langkah INTEGRITI menerbitkan dokumentari *Jejak Mat Kilau* sebagai satu usaha dan pendekatan membina bagi mempelajari sejarah negara.

“Usaha yang diambil INTEGRITI telah memberi nilai tambah kepada kaedah penyampaian sejarah, khususnya dalam memahami aspek dan nilai integriti,” kata beliau sambil menambah, integriti bukan sahaja perlu ada pada diri seseorang

tetapi pada fakta sejarah itu sendiri.

Sehubungan itu beliau berharap INTEGRITI akan mengambil langkah yang sama membabitkan tokoh-tokoh lain yang telah memperjuangkan kemerdekaan negara.

Prof. Madya Dr. Mohd. Samsudin yang turut menghargai usaha INTEGRITI memberitahu dokumentari ini telah memperlihatkan satu daya tarikan atau “wow factor” dalam menyampaikan mesej sejarah kepada kumpulan sasaran.

Wan Mohd. Rosli berpandangan bahawa INTEGRITI telah mengambil satu usaha yang luar biasa bagi menghargai sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Penggambaran dokumentari ini melibatkan peserta seramai 21 orang yang melibatkan kakitangan INTEGRITI, dan wakil dari Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Lembaga Pembangunan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Pejabat Daerah dan Tanah Dungun. Usaha ini turut dibantu oleh Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu Berhad, Angkatan Pertahanan Awam Negeri Terengganu dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.

# ROADSHOW INTEGRITI SINGGAH DI BUMI KENYALANG, IMPAK MULA DIRASAI

Oleh Norsheeda Din

INTEGRITI mengambil pendekatan turun padang dengan menganjurkan program Roadshow INTEGRITI 2017, yang akan melibatkan kesemua negeri di Malaysia, dengan sesi kedua berlangsung di Kuching, Sarawak pada 6 September 2017.

Roadshow INTEGRITI 2017 merupakan salah satu mekanisme INTEGRITI untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri menjayakan agenda pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan integriti selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN), di mana ia dapat memberi gambaran jelas dalam perencanaan program atau aktiviti integriti agar lebih tersusun, terarah dan sistematik serta meninggalkan kesan dan impak yang menyeluruh ke atas kumpulan sasaran.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff berkata, dalam usaha untuk membudayakan agenda integriti, INTEGRITI menggunakan Roadshow INTEGRITI untuk berkongsi program-program integriti atau kaedah-

kaedah baharu, selain memperkenalkan produk dan instrumen yang dibangunkan oleh INTEGRITI iaitu *Integrity Assessment Tools*, *Malaysian Integrity Profile*, Pelan Integriti Organisasi dan Pembangunan Integriti Bersama Komuniti.

Kata beliau, menerusi Roadshow INTEGRITI 2017 segala maklumat yang berkaitan isu integriti di peringkat negeri akan dimuat naik dalam sistem yang dinamakan sebagai “Dashboard INTEGRITI”, yang merupakan satu paparan dalam bentuk pembangunan analisa yang berinformatif dan interaktif.

“INTEGRITI menghargai sokongan yang diperlihatkan oleh kerajaan-kerajaan negeri dalam memperkukuh budaya berintegriti tinggi.

“Penganjuran bersama Roadshow INTEGRITI 2017 adalah satu contoh. Justeru kami mengalu-alukan pandangan dan cadangan bernas yang berterusan,” kata beliau.

Program Roadshow INTEGRITI 2017 di Sarawak diadakan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Ia yang berlangsung di Galeri TM, Dewan Pustaka Negeri Sarawak, Kuching telah dirasmikan oleh Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Johari Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak. Beliau diwakili oleh Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman), Datuk Talib Zulpilip.

Dalam pada itu, Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Johari menyeru semua pihak tidak mengira kedudukan dan latar belakang agar sama-sama membantu mendukung amanah dalam memastikan setiap tindakan adalah berlandaskan prinsip integriti yang sewajarnya.

Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Johari berkata, inisiatif seperti Roadshow INTEGRITI seharusnya dilaksanakan dengan kerap agar pembudayaan integriti secara konsisten dapat diterapkan dalam diri setiap individu.



Gambar berkumpulan di akhir Roadshow INTEGRITI peringkat Negeri Sarawak bersama Datuk Talib Zulpilip (tengah).

# INTEGRITI TINGKAT SKIL, MANTAPKAN KAJIAN INDEKS PERSEPSI INTEGRITI NASIONAL

Oleh Dr G Manimaran dan Zarina Mohamad Amin

Sejak satu yang dekad lalu Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) menggunakan kepakaran pihak luar untuk mengendalikan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (KPIN). Ini termasuklah membangunkan instrumen, soalan dan sebagainya.

Berbekalkan pengalaman mendalam dan panduan menyeluruh sepanjang 10 tahun lalu, KPIN akan dikendalikan warga kerja INTEGRITI selepas ini.

“Sudah sampai masanya kemahiran dan skil yang ada pada warga kerja INTEGRITI dipertingkatkan dan ia dikendalikan oleh kita sendiri, warga INTEGRITI. Ini harapan saya,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Dr Anis Yusal Yusoff dalam sesi bengkel yang diadakan baru-baru ini.

Kata beliau, persediaan ke arah itu sudah diambil sejak awal tahun ini.

“Saya berharap warga kerja kita

khususnya kluster yang diberi amanah dan tanggungjawab akan mengambil berat mengenai keperluan ini,” kata beliau. Bengkel Analisis Data Bagi Pembinaan Indeks KPIN dikendalikan oleh Prof Dr Said Zainol, yang merupakan salah seorang daripada penyelidik terlibat dalam membangun, mengendali dan mengurus KPIN selama ini.

“INTEGRITI mengucapkan penghargaan kepada Prof Said yang telah meluangkan masa dan tenaga beliau dalam membangunkan pasukan yang mahir dan berskil bagi memenuhi harapan ini,” kata Datuk Dr Anis Yusal.

KPIN dikendalikan secara sejak tahun 2007. Ia merangkumi segmen masyarakat isi rumah, penjawat awam dan pertubuhan ekonomi.

Untuk rekod, KPIN dijalankan bagi menentukan kedudukan sebenar tahap integriti dalam kalangan rakyat negara ini. Kajian ini penting untuk menentukan

sejauh mana sasaran Tekad 2008 dan 2013 yang mengandungi lima elemen utama berjaya dicapai. Ia merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dibentangkan oleh kerajaan bagi menyokong usaha mewujudkan masyarakat berintegriti dengan nilai-nilai Malaysia. Elemen tersebut ialah persepsi indeks integriti nasional berkenaan rasuah, penyampaian perkhidmatan awam, indeks persepsi etika perniagaan dan tanggungjawab sosial, indeks persepsi kemantapan institusi keluarga dan komuniti dan indeks persepsi kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Sebelum ini kajian dijalankan dengan kerjasama rakan strategik INTEGRITI iaitu Jabatan Statistik berdasarkan instrumen INTEGRITI. Soalan-soalan KPIN telah siap dibangunkan dan dimurnikan.

Datuk Dr Anis Yusal yakin INTEGRITI akan mendapat maklum balas daripada masyarakat mengenai persepsi tahap rasuah, pemahaman mengenai rasuah, pelaksanaan pencegahan rasuah serta beberapa persoalan lain.

Sementara itu, Prof Dr Said berkata berdasarkan pengalaman beliau bersama pasukan INTEGRITI mendapati warga INTEGRITI sudah ada kemahiran untuk mengendalikan sendiri kajian ini.

“Pasukan kajian INTEGRITI sudah mantap berdasarkan pengalaman selama ini. Kemahiran sudah ada dengan segala kekurangan sudah diatasi. Latihan susulan yang akan diberikan akan melengkapkan keperluan itu,” kata beliau lagi.



Sesi bengkel dikendalikan oleh Prof. Dr Said Zainol.



# INTEGRITI KELUARGA TERAPI TERBAIK ATASI BARAH RUMAH TANGGA - USTAZ HALIM

Oleh Aimi Amin

Tidak ada keluarga yang bebas daripada isu atau masalah. Ia sebahagian daripada cabaran dan ujian yang perlu dilalui setiap keluarga atau pasangan suami isteri ataupun ibu bapa. Di sebalik persoalan itu, sejauh mana budaya berintegriti boleh dihalusi bagi memperkukuhkan kelangsungan pembinaan keluarga yang berkualiti.

Aspek ini menjadi intipati kupasan program *Family Integrity Talk* (FIT) yang membincangkan tajuk “Masalah Mental, Barah Dalam Perkahwinan” yang diadakan di padang Masjid Lama, Kg. Tekek, Pulau Tioman pada 16 September 2017.

FIT ini diadakan sejajar dengan Tekad Keempat Pelan Integriti Nasional (PIN) iaitu Memantapkan Institusi Keluarga dan Komuniti. Justeru, isu-isu melibatkan pengurusan emosi dan tingkahlaku dalam kalangan ahli keluarga bukan satu aspek yang remeh, sebaliknya harus dipandang serius oleh setiap pihak.

Lanjutan daripada kesedaran itu, Program FIT yang diadakan dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Tioman, Jabatan Taman Laut Pulau Tioman dan Jawatankuasa Penduduk Pulau Tioman ini menampilkan Ustaz Halim Hafiz, Motivator dan Ikon Belia Negeri Johor sebagai penceramah jemputan.

Kupasan topik ini dimulakan dengan memberi beberapa indikator penting yang melibatkan keupayaan mengawal emosi, tingkahlaku dan pemikiran sebagai *benchmark* kepada tahap kesihatan mental yang baik.

Beliau turut menyentuh kepentingan nilai integriti dalam sesebuah institusi keluarga, di mana pengamalan nilai-nilai murni oleh setiap pasangan suami isteri adalah intipati penting bagi membentuk keluarga yang harmoni, bahagia dan sejahtera.

Namun begitu, beliau tidak menafikan yang soal ketidakmampuan suami, isteri mahupun anak-anak menguruskan



Pemasangan *signage* LelKA di Pulau Tioman.

cabaran boleh menjejaskan emosi dan tingkahlaku seterusnya peranan mereka dalam pembinaan keluarga. Hal ini boleh menyumbang kepada keluarga yang kucar-kacir.

Sesi hampir tiga jam ini disertai kira-kira 200 penduduk sekitar Pulau Tioman. Turut hadir Dato' Seri Hasan Arifin, Ahli Parlimen Rompin.

Sempena program ini, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Jabatan Taman Laut Pulau Tioman, Tok Empat Kg Tekek dan penduduk Kg Tekek menggunakan peluang untuk mempromosikan agenda integriti kepada masyarakat dengan meletakkan tiga *signage* LelKA iaitu dua di Taman Laut Pulau Tioman dan satu di Jeti Kampung Tekek.



Ustaz Halim

# RTD SEMAK STATUS PELAKSANAAN PROGRAM MANTAPKAN INTEGRITI INSTITUSI KELUARGA

Oleh Dr G Manimaran dan Nelly Mansin

Perbincangan selama hampir empat jam di Dewan Murni, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang terbuka dilihat sebagai perkembangan yang amat membina. Lebih 40 peserta mewakili pelbagai agensi termasuk kalangan ahli-ahli akademi telah mengupas peranan institusi keluarga dalam memupuk dan meningkatkan budaya berintegriti tinggi dalam melahirkan masyarakat yang seimbang.

Berdasarkan kepada apa yang dibangkitkan dan dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa sudah tiba masanya setiap pihak mempunyai peranan masing-masing untuk mencapai objektif yang digariskan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN). INTEGRITI yang merupakan agensi yang berperanan dalam menerapkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia, menerusi Program Institusi Keluarga telah menganjurkan satu sesi perbincangan meja bulat - Semakan Status Pelaksanaan Usaha Pemantapan Integriti Institusi Keluarga Selaras dengan PIN.

Hal ini adalah penting bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berbudi pekerti dalam negara memacu ke arah Wawasan 2020.

Dalam konteks institusi keluarga, penerapan nilai murni dalam keluarga merupakan salah satu usaha untuk memperkasakan keluarga sejajar dengan hasrat INTEGRITI. Oleh itu, dalam memastikan usaha ini berterusan, INTEGRITI telah pun merangka usaha-usaha pemantapan integriti institusi keluarga oleh pemegang taruh yang terlibat yang dikenali sebagai Tekad Keempatiaitu Memantapkan Institusi Keluarga dan Komuniti seperti di dalam buku Pelan

Integriti Nasional. Pelan tindakan bagi tekad ini merupakan asas dan panduan dalam menjayakan agenda pemantapan integriti di Malaysia.

Sesi dipengerusikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff. Pembentangan mengenai isu-isu institusi keluarga dibuat oleh Penolong Pengarah dan Penyelaras Program Institusi Keluarga, Nelly Mansin manakala Penolong Pengarah Kanan dan Penyelaras Program Rundingcara Mohd Rais Ramli berkongsi mengenai pelaksanaan PIN.

Memulakan agenda perbincangan, Datuk Dr Anis Yusal berkata, sesi RTD kali ini diadakan dengan tujuan menyemak status pelaksanaan aktiviti dan program mengikut Pelan Tindakan Institusi Keluarga bagi setiap pihak berkepentingan yang terlibat.

Selain itu, RTD ini juga diadakan bagi membincangkan strategi bagi membantu memperkasakan integriti dalam institusi

keluarga dan mengenal pasti potensi kerjasama yang boleh dijalin dengan pihak INTEGRITI dalam menjayakan agenda integriti dalam konteks institusi keluarga.

“RTD ini membolehkan status pelaksanaan aktiviti dan program pada Pelan Tindakan Institusi Keluarga akan diperolehi daripada semua agensi yang terlibat.

“Ia juga membolehkan input mengenai strategi pemantapan integriti institusi keluarga akan diperolehi daripada sudut pandangan pelbagai wakil agensi yang dijemput, dan pelbagai agensi dapat dikenalpasti bagi menjayakan agenda integriti dalam konteks institusi keluarga,” kata beliau.

Malah menurut Datuk Dr Anis Yusal, berdasarkan isu dan perkara yang dibangkitkan dapat dirumuskan bahawa setiap agensi dan entiti yang berkaitan dengan institusi keluarga telah memainkan peranan, fungsi dan tindakan mengikut skop masing-masing.



Sesi RTD membincangkan status pelaksanaan integriti institusi keluarga.

# A MONTH OF ENLIGHTENMENT @ INTEGRITI

By Japri Bujang Masli and Maurice Braoh

The Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) is a reputable organisation. This is the only conclusion we could make when Tan Sri Dr Hamid Bugo, Chairman of the Board of Management, Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) talked flatteringly on INTEGRITI. He personally instructed us to be attached to INTEGRITI in order to learn new things so that we would be able to adopt and adapt new ideas to uplift Pustaka Negeri Sarawak to a higher footing.

Pustaka started operations in January 2000 to usher Sarawak into the “new millennium”. The philosophy behind its existence is that a knowledge and information based society needs a forum for intellectual exchange among its people, a centre of enlightenment where minds can meet and ideas interact, and access to information, knowledge, technologies and cultures available beyond the superficial boundaries imposed by geography.

Pustaka’s vision is to be the reservoir and fountain of information and knowledge to the State. Its major functions include as the State Library and also the State Depository Centre (Archive).

We are indeed very honoured to be accepted and welcomed by President and Chief Executive Officer, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff and all staff members at INTEGRITI for a month of experiential learning. He and other senior officers of INTEGRITI personally coached us on all aspects of how they became what they are now. A complete narrative starting from a research about public perceptions



(From left) Maurice Braoh and Japri Bujang Masli chatting with Datuk Dr Anis Yusal Yusoff and officers of INTEGRITI during a special function on their final day.

on bribery in Malaysia done in 2002 by Universiti Kebangsaan Malaysia, the formulation of National Integrity Plan (PIN), the setting up of INTEGRITI up until the details on programmes and activities were passionately shared with us.

The amount of knowledge we gained is tremendous and huge as variety of expertise being shared and thousands of man-hours of experiences being poured into our minds.

The approach started with a systematic and holistic analysis of the PIN. The Turtle Model is used to visualize PIN for easy understanding. After that the vision and mission of INTEGRITI are carefully crafted as the guiding beacon of the Result-based Management System which translated further into the programmes, activities, strategic objectives, indicators, status, time, input and risks.

Visits to other institutes and organisations were strategically planned to help amplify our understanding even further.

Pustaka has a longer history than INTEGRITI and this is an opportunity for us to reflect and review on the many things that we have done. The knowledge we learned from INTEGRITI would surely be able to further enhance the beauty of the reservoir and height of the fountain of information and knowledge that we already are.

Words just cannot describe how indebted we are to all members of INTEGRITI for the opportunity, hospitality and knowledge-sharing that we were privileged to for the last four weeks while we were here. May life always be as wonderful and kind to all of you as you had been to both of us.

\* Japri Bujang Masli is Head of ICT Sector, Pustaka Negeri Sarawak and Maurice Braoh is Internal Auditor, Pustaka Negeri Sarawak



# THE PASSING OF AN INSPIRING LEADER

*By Professor Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid  
Published in the New Straits Times on 12 September 2017*

There will never be an educator like Professor Datuk Dr Hussein Ahmad, who died on Sept 6. He had devoted his life in the service of education – growing up during the colonial years and receiving his initial tertiary education in the Malayan Teachers' College in Brinsford, England. - September 12, 2017 @ 10:50am

He was one of the Malayan teachers trained in Brinsford and Kirkby who understood the meaning of nationalism and patriotism against the background and experiences of other societies, such as old Europe, emergent Afro-Asian and South American nations. They understood the horrors of the World War 2 and Cold War.

He understood the significant role of education and the development of literacies, competencies, capacities, talents, and other human potential.

He understood what it means to be in gratitude and to be aware of the privilege to obtain the highest level of education when millions of people were illiterate, uninformed and even ignorant.

He was one of the few selected to pursue his master's and doctoral degrees at Stanford University, one of the Ivy League universities in the United States. The passion for learning came with an encyclopedic mind. His experiences fostered the cultivation of a positive, open, inclusive and versatile mindset.

Professor Hussein had taught in schools and universities. He was involved in the training of primary and secondary school principals, religious school heads and top civil servants.

He was a headmaster, a curriculum developer, a researcher, a policymaker, a university lecturer, a prolific writer, a consultant, a public intellectual and a civil servant.

He had supervised many postgraduate students. He was a profound thinker and a role model for his peers, as well as the next generation of educators.

Among the important positions he held were the Education Ministry's Educational Planning and Research Division director and Institute Aminuddin Baki director. He was also an associate professor at Universiti Sains Malaysia and professor at University of Malaya.

Professor Hussein was a loyal civil servant who was proud to serve the nation with love and honour. He was loyal to his peers, colleagues and staff. He was a committed leader of professional organisations and played an important role in the establishment of professional societies, associations and clubs in the country.

In the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (Unesco), Paris, where he served after retirement, he did Malaysia proud by planning and formulating the Unesco agenda. He also wrote the book, *The Mandate of Unesco and the Challenge of Globalisation*.

He had also written other books. His magnum opus, *The Mission of Public Education in Malaysia – the Challenge of Transformation*, is one that should be read by ministers, parliamentarians, academicians, stakeholders and leaders from all domains. He had written

hundreds of papers and presented keynote addresses at home and abroad.

He was a gentle leader, with the highest ethics and integrity. He chose the way of wisdom in resolving problems.

His priority was education. Among policymakers, he was the lead thinker, with powerful conceptual capacity and strong imagination regarding the future.

He served both the Education and Higher Education ministries, indeed a unique achievement. He was awarded Tokoh Guru for his lifetime contributions.

He thought profoundly about the aims and values of education. He was clear that theories of education should be derived from our philosophy of life. Interacting with him was like interacting with a kind, considerate and inspiring philosopher.

With his passing, the profession has lost a passionate professional; the nation an exemplary highly-educated citizen; the academic world a scholar; the educational bureau an experienced and dedicated civil servant; the education research enterprise its lead researcher; colleagues a fine friend; and young educators a motivator, mentor, and a role model.

The study of his works and his biography will inspire colleagues and the next generation of scholars.

In tangible and intangible ways, he had contributed to national development – understanding profoundly the nature of a united nation and society to be developed through education. When educators die, they leave behind their students, their knowledge, their legacy and heritage.

# HORMATILAH TUGAS PENJAWAT AWAM

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
Disiarkan di Harian Metro pada 12 September 2017

Masyarakat perlu belajar memahami tugas penjawat awam dan jangan bertindak di luar kawalan sehingga mencetuskan pelbagai masalah lain.

Fakta dalam kes terbaru, seorang wanita didakwa bertindak biadab terhadap anggota penguat kuasa MPSJ di Puchong. Penjawat awam adalah manusia biasa yang mempunyai hati dan perasaan. Penulis ingin menegaskan perkara ini supaya seluruh anggota masyarakat sedar mengenai perasaan dan peranan seorang penjawat awam ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Hal ini kerana insiden segelintir anggota masyarakat cuba bertindak kasar, mencederakan dan mengugut penjawat awam termasuk menghalang mereka daripada menjalankan tugas dilihat mula menjadi trend serta budaya kurang sihat di negara kita.

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan satu lagi insiden seumpama itu dan menjadi tular dalam media sosial. Dalam kes terbaru, seorang wanita didakwa bertindak biadab terhadap seorang anggota penguat kuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di Puchong.

Dalam video berdurasi 37 saat yang mula tular itu memaparkan wanita itu memegang sebatang pengunci stereng kereta dan menghalakannya ke arah penguat kuasa itu. Difahami, wanita itu berang apabila keretanya dikunci oleh pihak berkuasa selepas dia meletakkannya bukan di tempat letak kenderaan untuk membeli makanan di restoran berdekatan.

Wanita itu menjerit-jerit memarahi penguat kuasa berkenaan menjadikan

alasan membeli makanan untuk suaminya yang juga orang kurang upaya (OKU). Berikutan kejadian ini, dilaporkan polis sudah membuka kertas siasatan selepas anggota penguat kuasa MPSJ membuat laporan.

Dalam soal ini, kita tidak mahu menjatuhkan sebarang hukuman secara membuta tuli sehingga polis menyelesaikan tugas mereka, namun secara umumnya tindakan mengacu pengunci stereng serta menjerit-jerit memarahi anggota penguat kuasa yang hanya menjalankan tugasnya adalah sikap dan perbuatan yang tidak boleh diterima sama sekali.

Bayangkan kalau wanita itu hilang kawalan dan kesabaran lantas menghayun dan memukul anggota itu dengan pengunci stereng atau sebaliknya penguat kuasa terpaksa bertindak untuk mempertahankan keselamatan dirinya.

Pastinya keadaan akan menjadi lebih buruk, ada kemungkinan anggota penguat kuasa mahupun wanita itu boleh cedera serius. Jadi, soalan pertama yang timbul dalam benak fikiran kita ialah di mana adab dan nilai kesopanan sebagai masyarakat timur? Kenapa susah sangat untuk mengaku salah mahupun sedikit bersabar dan selesaikan isu ini dengan berhemah?

Mujurlah anggota penguat kuasa itu dapat memperlihatkan tahap kesabaran yang tinggi dan untuk itu kita wajar tabik sikap anggota itu yang langsung tidak berkasar dengan wanita terbabit.

Penulis cukup geram dan juga marah dengan insiden seperti ini kerana ironinya ini bukan kali pertama penjawat awam diperlakukan seperti ini terutamanya dalam khalayak ramai. Sudah terlalu banyak kes

orang awam menghalang tugas penjawat awam dilaporkan sebelum ini, namun ternyata masih berlarutan.

Misalnya, pada Februari lalu, seorang penunggang basikal didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas tuduhan menggunakan kekerasan menghalang penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan tugas.

Sebelum itu, pada Disember 2016 pula, dua peniaga ditahan polis kerana mengacukan pisau terhadap penguat kuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Malah, kita juga masih ingat satu lagi insiden yang cukup popular di media sosial suatu ketika dulu membabitkan pasangan suami isteri yang akhirnya dijatuhkan hukuman penjara 14 hari oleh Mahkamah Majistret Shah Alam kerana mengganggu penguat kuasa wanita Majlis Bandar Raya Shah Alam (MBSA).


Beberapa anggota polis juga pernah mengalami nasib lebih kurang sama hanya kerana mereka menjalankan tugas dengan penuh integriti dan jujur.

Maka, sampai bila kita mahu membiarkan perkara seperti ini terus berlaku dalam masyarakat kita? Pelbagai ancaman seperti ini terhadap penjawat awam yang menjalankan tugas perlu ditangani dan seterusnya dihentikan dengan kadar segera.

Hakikatnya apakah situasi seperti memberi gambaran betapa orang ramai masih gagal untuk memahami tugas dan tanggungjawab penjawat awam?

*Sambungan ke muka surat 15*

## THE POWER OF INTEGRITY: BUILDING A LIFE WITHOUT COMPROMISE



*Publisher: Crossway*

*Published: 1997*


*Author: John MacArthur*

We live in a society that has largely abandoned moral standards and Christian principles. Unkept campaign promises, false advertising, exaggerated tax exemptions, employee theft--compromise has become a way of life. Such moral concession has even invaded the church. Faced with an opportunity to proclaim Christ to unbelievers, we feel intimidated and keep silent. Or we water down God's Word on ethical issues at work or in our community to avoid rejection. Too often we prefer hypocrisy to integrity.

But God longs for His people to be different--to maintain a commitment to His standards, no matter what the cost. Is consistent obedience to God--integrity--attainable in this world of sin and self? By the grace and power of God, yes!

One of the nation's most respected pastors points the way to persevering character in Christ. Drawing from scriptural examples of godly men who modeled integrity during severe testing, MacArthur makes a compelling case for the impact a man or woman of integrity can have in our world.

## CORRUPTION IS MY NAME AND DESTRUCTION IS MY GAME



*Publisher: Alf Promotions*

*Published: 2010*

*Author: Don Patrick*

The book is written in a satirical fashion to make for interesting and fun reading. The message however is clear for all to see. In the 'Introduction' part of the book, the author has created an 'evil' face to the word, corruption. The readers will get a good 'side-by-side' existence with this creature and is enticed to join its fraternity for the multitude of rewards and benefits that await potential 'members'.

The seven case-studies covered also talk about fictional characters and hopefully, the authors have provided a 'good mix' of accounts. The main character, Chris is presented as a 'victim of corruption' throughout and constantly indulges in rhetorical and retaliatory dialogue with Mr. Corruption who is always seen to protect the wrongdoers.

The key word in all this is INTEGRITY. If we have integrity in us, then we can always hold on to the dignity that God has bestowed upon us. Once integrity is sacrificed, our dignity automatically goes and we become worse than the poor worms that crawl on the earth.

The book ends with lessons on how to control and even eliminate corruption from the face of earth.





Penyerahan keputusan Profil Integriti Malaysia (MIP) kepada Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Datuk Seri T. Subromaniam oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff.

Pengarah Kluster Ekonomi Institut Integriti Malaysia, Mohd Ismail Abdul Jalil (tiga dari kanan) mengambil bahagian dalam Seminar Audit Dalaman dan Integriti Koperasi anjuran bersama ANGKASA dan INTEGRITI di Miri, Sarawak.

#### *Sambungan dari muka surat 13*

Jika tidak masakan insiden seperti ini terus berlaku. Atau ada individu yang memang sengaja buat-buat tidak faham dan cuba cetuskan provokasi murahan untuk memalukan penjawat awam mahupun agensi yang terbabit.

Apapun jawapannya, kita perlu melakukan sesuatu kerana kita khuatir jika keadaan ini berterusan, ia boleh menjejaskan tahap motivasi dan semangat penjawat awam di samping mengancam keselamatan mereka ketika bertugas. Masyarakat perlu sedar dan juga disedarkan betapa penjawat awam hanya menjalankan tugas mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa dan kita percaya mereka tidak menyalah guna kuasa dan kedudukan untuk menganiaya orang awam. Satu faktor yang lebih penting perlu ingat ialah penjawat awam juga manusia biasa macam kita yang ada hati dan perasaan serta ada had kesabarannya. Kita khuatir tindak-tanduk segelintir anggota masyarakat yang degil dan biadab seperti mengancam keselamatan dan mencetuskan provokasi boleh mencabar tahap kesabaran penjawat awam. Apakah pada akhirnya kita mahu lihat orang awam bergaduh dengan penjawat awam di tepi jalan?

Justeru, bagi anggota masyarakat, kita merayu agar tolonglah hormati dan hargai tugas seorang penjawat awam. Mereka hanya menjalankan tugas yang diamanahkan tanpa mengharapkan sebarang balasan mahupun pujian.

Justeru, jangan sesekali cuba mengancam keselamatan penjawat awam kerana kelak buruk padahnya. Biarkan mereka membuat kerja mereka dan jika ada sebarang masalah bincang dan selesaikan dengan cara yang baik dan matang.

Penulis percaya mereka juga boleh bertimbang rasa dan bertolak ansur mengikut situasi. Jadi tiada gunanya kita mencari pasal yang akhirnya memburukkan lagi keadaan.

Kepada penjawat awam pula, ayuh jangan putus asa dengan ancaman dan gangguan murahan seperti ini. Apapun cabaran, provokasi mahupun ujian, marilah buktikan kita lebih profesional, matang dan sabar. Jangan sesekali terikut rentak individu yang sengaja mahu cetuskan provokasi dan propaganda seperti ini.

Percayalah majoriti rakyat negara ini menyanjung tinggi sumbangan dan peranan penjawat awam. Namun, bagi kelompok penguat kuasa, eloklah lebih berwaspada dan berhati-hati berhadapan dengan apa jua situasi di luar dugaan seperti insiden pengunci stereng kereta ini.

Ambillah langkah sewajarnya untuk melaksanakan tugas dalam keadaan keselamatan yang lebih terpelihara. Dalam hal ini, kita juga berharap semua agensi penguat kuasa terutamanya akan membantu menjaga keselamatan anggotanya sepanjang masa.

Umumnya ini adalah persekitaran yang kurang sihat dan kita tidak boleh membiarkan perkara seperti ini terus berlaku dalam masyarakat.

Apa yang penting di sini ialah masyarakat perlu belajar memahami tugas penjawat awam dan jangan bertindak di luar kawalan sehingga mencetuskan pelbagai masalah lain. Hormati dan hargai tugas dan tanggungjawab penjawat awam yang sentiasa bersedia dan dedikasi menjalankan tugas untuk rakyat dan negara.



[www.integrity.my](http://www.integrity.my)

